



BULETIN

MAJLIS PERBANDARAN KOTA SAMARAHAN

ASPIRASI



MENARIK

Sesi tandatangan MoU antara
MPKS & UNICEF

7

Program Hentakan
Rabies

8

Komuniti Cergas
Komuniti Sihat

20-21

BEAUTIFUL, CLEAN, GREEN & SAFE



Majlis Perbandaran Kota Samarahan



Majlis Perbandaran Kota Samarahan

<https://mpks.sarawak.gov.my>

082-669000

SENARAI

KANDUNGAN

PRAKATA

1

SEKAPUR SIRIH SEULAS PINANG

2

SUDUT APRESIASI

Pencapaian & Penghargaan

3-5

AKTIVITI

Program Komuniti & Kursus Latihan

6-27

KERATAN AKHBAR

28-29

LENSA MPKS

30-33

BULETIN ASPIRASI 2 2024

Hak Cipta Majlis Perbandaran Kota Samarahan

Diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM &

PEMBANGUNAN KOMUNITI

MAJLIS PERBANDARAN KOTA SAMARAHAN

Prakata

Terlebih dahulu, ucapan syukur kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana dengan kehendakNYA kami dapat menerbitkan Buletin Aspirasi Edisi 2 tahun 2024 mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan buletin pada edisi kali ini.

Buletin Edisi 2 tahun 2024 ini dihasilkan untuk menyingkapkan semua aktiviti yang telah berlaku sepanjang separuh tahun 2024 bermula Julai sehingga Disember 2024.

Sekapur Sirih Seulas Pinang

Tahniah diucapkan kepada Majlis Perbandaran Kota Samarahan di atas usaha dan komitmen yang diberikan dalam menerbitkan Buletin Aspirasi Edisi 2 2025. Disini saya selaku Pengerusi Majlis, Majlis Perbandaran Kota Samarahan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk merakamkan perutusan dalam Buletin Aspirasi edisi 2 2024 ini. Saya yakin tanpa komitmen yang tinggi serta kerjasama antara warga MPKS, Buletin ini tidak dapat diterbitkan dengan jayanya.

Majlis Perbandaran Kota Samarahan telah dinaiktaraf kepada perbandaran pada 11 November 2016 dengan kawasan yang dibawah pentadbiran nya termasuklah Muara Tuang, Asajaya dan Sadong Jaya. Pelbagai projek pembangunan telah dirangka atau sedang dalam proses perlaksanaan demi untuk kemaslahatan warga Samarahan seperti menaiktaraf jalan dan perparitan untuk kemudahan dan keselesaan penduduk yang tinggal di sekitarnya.

Selain daripada itu juga pelbagai perkhidmatan turut disediakan seperti pengurusan sampah, pemotongan rumput, pembersihan persekitaran dan sebagainya untuk kemudahan dan warga Samarahan.

Akhir kata saya mendoakan kesejahteraan buat semua warga MPKS dan terus berusaha mengejar kejayaan dalam semua lapangan yang diceburi.



YBHG. DATO PETER MINOS
PENGERUSI PERBANDARAN
MAJLIS PERBANDARAN KOTA SAMARAHAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saya mulakan ucapan ini dengan setinggi-tinggi ucapan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin Nya, Buletin MPKS secara digital bagi edisi ke-2 2024 telah dapat diterbitkan. Saya ingin mengambil peluang merakamkan jutaan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam proses penerbitan ASPIRASI MPKS digital kali ini.



Sekalung syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Bahagian Perhubungan Awam & Pembangunan Komuniti kerana dapat menyiapkan dan menerbitkan sebuah naskah yang menarik dan padat dengan informasi. Sekalung penghargaan saya berikan kepada mereka atas usaha dan komitmen yang diberikan dalam menerbitkan buletin digital pada kali ini.

Penerbitan buletin ini amat penting bagi memaparkan aktiviti-aktiviti yang telah diadakan di MPKS sepanjang separuh kedua tahun 2024. Ianya boleh dianggap sebagai “memory book” yang akan menjadi rujukan pada masa hadapan. Dalam buletin ini kita menyusun atur pelbagai segmen yang dapat dijadikan rujukan dan kenangan bersama MPKS.

Akhir kata, saya mengharapkan penerbitan buletin ini dapat diteruskan dan akan ada penambahbaikan bagi setiap edisi buletin akan datang. Semoga semua warga MPKS terus maju jaya dan komited dalam menjalankan tugas yang diamanahkan

GUSTIAN BIN HAJI DURANI
SETIAUSAHA PERBANDARAN
MAJLIS PERBANDARAN KOTA SAMARAHAN



BULETIN

MAJLIS PERBANDARAN KOTA SAMARAHAN

ASPIRASI



SUDUT APRESIASI



PENCAPAIAN



PECAH REKOD THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS
(Tarian poco-poco teramai seramai 3688 orang)
3 Februari 2024, Halaman Samarahan



PECAH REKOD THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS
(Pameran Ulam-ulaman pelbagai jenis 108 jenis)
18 Mei 2024, Aiman Mall



PENCAPAIAN



JOHAN & PERSEMBAHAN TERBAIK
Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK)
Peringkat MPHLG, 27-28 Ogos 2024, Kingwood Hotel
Mukah



NAIB JOHAN
Pertandingan Pameran Innowaste 2024
Dewan Masyarakat Lundu, 22-23 Oktober
2024



PENGHARGAAN

ANUGERAH SMART KOMUNITI 2024
JKKK KAMPUNG EMPILA MERAH ANUGERAH GANGSA

29 NOVEMBER 2024



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023

29 NOVEMBER 2024





BULETIN

MAJLIS PERBANDARAN KOTA SAMARAHAN

ASPIRASI



AKTIVITI



10 JULAI 2024

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) Child Friendly Cities Initiatives (CFCI) di antara MPKS dan UNICEF yang diadakan pada 10 Julai 2024 disaksikan oleh Yang Berhormat Datuk Amar Prof. Dr. Sim Kui Hian, Timbalan Premier Sarawak, Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Majlis Perbandaran Kota Samarahan amat serius dengan matlamatnya untuk menyediakan persekitaran yang selamat dan terjamin untuk kanak-kanak kerana MPKS mempunyai kapasiti dan peluang untuk mengambil bahagian sepenuhnya dalam CFCI.

Setelah MoU ini, MPKS mempunyai tempoh lima tahun untuk melakukan pelbagai usaha dan mengambil langkah yang diperlukan terutama perlu menubuhkan Majlis Kanak-kanak sebelum diiktiraf sebagai Bandar Mesra kanak-kanak.





PROGRAM PERSEKITARAN BERSIH JAMINAN KEHIDUPAN LESTARI

3 OGOS 2024

Program Persekitaran Bersih Jaminan Kehidupan Lestari telah diadakan pada 3 Ogos 2024 bertempat di Dewan Perpaduan Taman Samarindah.

Program ini bertujuan untuk mendidik masyarakat tentang kepentingan pengurusan sisa organik melalui kaedah kompos di rumah dalam usaha mengurangkan sisa pepejal.



KOMUNITI BEBAS DADAH

8 FEBRUARI 2024

Program Komuniti Bebas Dadah telah diadakan pada 21 September 2024 bertempat di Dewan Kpg Moyan Ulu.

Program ini merupakan satu inisiatif di bawah OSC Asajaya dalam membantu menangani masalah penyalahgunaan dadah terutama di kawasan hotspot.





Program Hentikan Rabies yang diadakan di Dewan Perpaduan Taman Samarindah telah menerima sambutan yang menggalakkan daripada penduduk setempat. Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS) dengan kerjasama Boehringer Ingelheim, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak, Pejabat Kesihatan Bahagian Samarahan, Pejabat Daerah Samarahan, Sarawak Society for the Prevention of Cruelty to Animals (SSPCA), KRT Taman Samarindah Baru, dan KRT Taman Samarindah Lama bagi pelaksanaan inisiatif yang amat penting dalam menangani jangkitan Rabies.

Program yang berlangsung selama dua hari ini menyediakan beberapa perkhidmatan termasuk vaksinasi anjing, pemandulan anjing, dan mikrochipping.

Untuk menarik ramai penyertaan, MPKS juga telah menyediakan insentif seperti diskaun RM 10 yuran pendaftaran pelesenan anjing dan subsidi RM 150 untuk pemandulan anjing bagi 100 anjing terawal yang berlesen. Yuran pendaftaran pelesenan anjing adalah RM 10 untuk anjing yang telah dimandulkan dan RM 30 untuk anjing belum dimandulkan.

Turut diadakan juga adalah Pertandingan Mencipta Poster Stop Rabies terbuka kepada pelajar sekolah rendah dengan penyertaan seramai 128 orang bagi memeriahkan lagi program ini.





**FUN RUN COMMUNITY MERDEKA:
WE LOVE WE CARE
31 OGOS 2024**



FUN COMMUNITY MERDEKA RUN

Supported by:

MPHLG

• P...
• Wo...
• Repl...
• Perag...
• Sepak...
• DAN B...

AUGUST

07:00 AM | L...

TAMA

• Gendan...
• Poco-P...
• Karaok...
• CABUT...
• DETIK...
• DA...



**FUN RUN COMMUNITY MERDEKA:
WE LOVE WE CARE
31 OGOS 2024**





27-28 OGOS 2024

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat MPHLG telah diadakan pada 27-28 Ogos 2024 bertempat di Kingwood Hotel, Mukah.

Pada konvensyen ini, kumpulan Jang Meran mewakili MPKS telah memenangi Juara Keseluruhan dan juga telah mendapat anugerah Persembahan Terbaik.



12 OKTOBER 2024



Bersih dan Ceria Kampungku telah diadakan pada 12 Oktober 2024 bertempat di Kampung Empila Hilir.



Program ini adalah bertujuan untuk membersihkan persekitaran dan mengindahkan lanskap kampung.





TEAM BUILDING
MAJLIS PERBANDARAN KOTA SAMARAHAN
13-15 SEPTEMBER 2024





Karnival Komuniti Bestari telah diadakan pada 19 Oktober 2024 bertempat di Dewan Sri Villa Kpg Empila, Kota Samarahan

Program ini bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara penduduk kampung melalui aktiviti sukan rakyat dan juga turut diadakan permainan e-sport.



Majlis Perbandaran Kota Samarahan telah mengadakan Perhimpunan Bulanan yang melibatkan semua kakitangan pada 24 Oktober 2024 bertempat di Perkarangan Pejabat Majlis Perbandaran Kota Samarahan



PERTANDINGAN POSTER 3D INNOWASTE PERINGKAT SEKOLAH

14 OKTOBER 2024

KPertandingan Poster 3D Innowaste telah diadakan pada 14 Oktober 2024 bertempat di Think Big, Kota Samarahan.

Program ini bertujuan untuk memilih poster 3D terbaik yang akan mewakili ke Pertandingan Poster 3D sempena Minggu Inovasi Perkhidmatan Awam Sarawak.



PERTANDINGAN PAMERAN INNOWASTE

22-23 OKTOBER 2024



Pertandingan Pameran Innowaste sempena Minggu Inovasi Perkhidmatan Awam Sarawak pada 22-23 Oktober 2024 bertempat di Dewan Masyarakat Lundu.



Dalam pameran ini, MPKS telah berjaya mendapat tempat kedua keseluruhan.





**MAJLIS MAKAN MALAM
ULANG TAHUN MPKS KE-8
16 NOVEMBER 2024**





SAMBUTAN HARI OKU BAHAGIAN SAMARAHAN

30 OKTOBER 2024

Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS) dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Bahagian Samarahan telah menyambut Hari Orang Kurang Upaya (OKU) di Dewan Suarah Kota Samarahan dengan meriah, baru-baru ini.

Sambutan ini diadakan bagi mengiktiraf sumbangan dan pencapaian golongan OKU dalam usaha membina masyarakat inklusif serta menggalakkan pemahaman dan sokongan semua lapisan masyarakat terhadap OKU.

Selain sukaneka, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Samarahan, Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan enam pusat lain turut mempamerkan informasi berkaitan program pemulihan dan sokongan yang mereka tawarkan disamping memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai usaha-usaha pemulihan dan pendidikan khas bagi OKU.









KOMUNITI CERGAS KOMUNITI SIHAT 7 DISEMBER 2024 HALAMAN SAMARAHAN





**KEGANASAN DAN JENAYAH:
JANGAN JADI MANGSA DAN DEMONSTRASI
SELAMATKAN DIRI
7 DISEMBER 2024
HALAMAN SAMARAHAN**





16 DISEMBER 2024

Bengkel SWOT Analysis Samarahan Food & Cultural Festival (SFCF) telah diadakan pada 16 Disember 2024 bertempat di Dewan Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak, Kota Samarahan.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang memberi kesan kepada MPKS serta memberikan pandangan untuk perancangan strategik dan proses membuat keputusan dalam penganjuran SFCF pada tahun 2025.

Bengkel ini turut dihadiri oleh agensi seperti Majlis Seni Sarawak, Kementerian Pelancongan, Budaya dan Seni Persembahan Sarawak, Pejabat Residen Bahagian Samarahan dan Pejabat Daerah Samarahan.





BENGKEL PENGUKUHAN KRT TAMAN DAN AJK PENJAJA

17-18 DISEMBER 2024

Bengkel Pengukuhan KRT Taman dan AJK Penjaja MPKS telah diadakan pada 17-18 Disember 2024 bertempat di Dewan Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak, Kota Samarahan.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mengukuhkan peranan KRT bagi memastikan keselamatan sosial dan kebersihan di taman perumahan serta mengukuhkan kerjasama antara AJK Penjaja bagi memastikan keselamatan dan kebersihan pusat penjaja.

Antara aktiviti yang diadakan ceramah berkenaan Komunikasi yang berkesan, isu keselamatan, pelesenan dan peranan KRT.





28 DISEMBER 2024

Program Community Empowerment: Healthy and Wealthy Community telah diadakan pada 28 Disember 2024 bertempat di Dewan Pertubuhan Peladang Negeri Sarawak, Kota Samarahan.

Tujuan program ini adalah untuk mendidik dan membantu komuniti niaga khasnya untuk berdikari dalam bidang keusahawanan serta memberikan pendedahan kepada mereka tentang faedah penjagaan alam sekitar dan meningkatkan ekonomi keluarga.

Antara aktiviti yang diadakan adalah ceramah berkenaan Bantuan Keusahawanan, Perkongsian Usahawan berjaya dan taklimat Spay Global.





PERTANDINGAN PAKAIAN TRADISIONAL ETNIK SARAWAK

19 OKTOBER 2024

KPG EMPILA, KOTA SAMARAHAN





LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE KUNMING, CHINA

11 DISEMBER 2024

MAJLIS PERBANDARAN KOTA SAMARAHAH DAN DAERAH JINNING, KUNMING, WILAYAH YUNNAN, CHINA MEWUJUDKAN KERJASAMA BANDARAYA PERSAHABATAN

Jinning, Wilayah Yunnan, China, 11 Disember 2024 – Satu pencapaian penting dalam hubungan antarabangsa telah dicapai hari ini apabila Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS) menandatangani Surat Niat (LOI) untuk Kerjasama Bandar Persahabatan dengan Daerah Jinning, Kunming, Wilayah Yunnan, China. Majlis menandatangani perjanjian bersejarah itu diadakan di Jinning, dengan Dato Peter Minos, Pengerusi MPKS, mewakili Kota Samarahan, dan Puan Yang Huirong, Naib Datuk Bandar Daerah Jinning, menandatangani bagi pihak Jinning.

LOI menggariskan kerjasama antara kedua-dua bandar dalam pelbagai bidang utama, termasuk ekonomi, perdagangan, budaya, belia, pendidikan, sains dan teknologi, dan pelancongan. Perkongsian itu bertujuan untuk memupuk pertumbuhan bersama dan pertukaran budaya sambil memanfaatkan kekuatan dan peluang unik setiap rantau.

Daerah Jinning, terletak di Kunming, Wilayah Yunnan, meliputi kawasan seluas 1,336 kilometer persegi dan mempunyai populasi 346,000. Dikenali sebagai hab penting untuk aktiviti ekologi, kebudayaan dan pelancongan di sekitar Tasik Dianchi, Jinning juga diraikan sebagai kampung halaman Laksamana Zheng He yang lagenda. Selain itu, Jinning diiktiraf di peringkat global sebagai "Kampung Halaman Bunga," yang terkenal dengan pengeluaran bunga sederhana. Kawasan penanaman, pengeluaran dan nilai keluaran bunga potong segarnya menduduki tempat pertama di China, menjadikannya peneraju dalam industri flori-kultur global.

Semasa majlis itu, Dato Peter Minos melahirkan rasa bangganya dalam mewujudkan kerjasama persahabatan rasmi pertama Kota Samarahan dengan wilayah luar. "Melalui kerjasama dengan Daerah Jinning ini, kami berhasrat untuk meningkatkan pembangunan Kota Samarahan dengan berkongsi pengetahuan, kepakaran dan peluang. Kerjasama ini adalah satu langkah bermakna ke arah meningkatkan hubungan ekonomi, sains dan teknologi, budaya pendidikan dan pelancongan kita dengan China," katanya.

Delegasi Kota Samarahan terdiri daripada ahli Majlis, termasuk Kr Haji Abdul Muttalib bin Julaihi (Timbalan Pengerusi), Kr Dr Florince Christy, Kr Sarkawi bin Suhaili, Kr Aziz bin Mohammad, Kr Salem bin Benga, En Gustian bin Durani (Setiausaha Perbandaran), dan Cik Lilian Liew (Timbalan Setiausaha Perbandaran). Kehadiran mereka menekankan kepentingan perkongsian ini dan komitmen Kota Samarahan untuk memupuk kerjasama antarabangsa.

Persahabatan antara Kota Samarahan dan Daerah Jinning menyediakan ruang untuk kerjasama jangka panjang dan pertumbuhan bersama, membuka jalan untuk persefahaman yang lebih besar dan berkongsi kemajuan dalam pelbagai bidang.





KERATAN AKHBAR

28



BULETIN

MAJLIS PERBANDARAN KOTA SAMARAHAN

ASPIRASI



LENSA
MPKS

AUDIT DALAMAN PEMATUHAN ISO:9001 2015

1-2 JULAI 2024



PERTANDINGAN BERCERITA SECARA MAYA

18 JULAI - 9 OGOS 2024



TAKLIMAT PENUBUHAN MAJLIS KANAK-KANAK

25 JULAI 2024



LAWATAN TADIKA HIKMAH KAMPUNG TANJUNG BUNDONG

14 OGOS 2024



SESI PENILAIAN ANUGERAH SMART KOMUNITI

3 OKTOBER 2024



PROGRAM LATIHAN PENGGUNAAN APLIKASI CANVA DAN PERTANDINGAN POSTER

23 NOVEMBER 2024



KEMPEN BELI BALIK MPKS

30 NOVEMBER 2024



THE 10TH GLOBAL CONFERENCE OF THE ALLIANCE FOR HEALTHY CITIES

25 SEPTEMBER 2024



UNICEF REGIONAL MEETING JINAN, CHINA

23 SEPTEMBER 2024



BULETIN ASPIRASI 2 2024

Hak Cipta Majlis Perbandaran Kota Samarahan

Diterbitkan oleh:

**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM &
PEMBANGUNAN KOMUNITI
MAJLIS PERBANDARAN KOTA SAMARAHAN**
